

Hikayat Datu Marapati : Cabaran Dalam Pentransliterasian manuskrip

DAYANG FATIN AMIRA ABANG IBRAHIM

Abstrak

Makalah ini akan memaparkan beberapa cabaran yang dihadapi semasa mentransliterasikan sebuah manuskrip lama berjudul Hikayat Datu Marapati. Dari segi terminologi linguistik, transliterasi merupakan suatu proses penukaran abjad dalam sesuatu aksara kepada abjad yang selaras bunyinya dalam sistem tulisan yang lain. Lazimnya, proses pentransliterasian memerlukan sekurang-kurangnya dua bahasa atau tulisan. Dalam konteks makalah ini, transliterasi merujuk kepada pengalihaksaraan aksara teks asal yang bertulisan jawi lama kepada aksara sasaran iaitu tulisan rumi. Manuskrip Hikayat Datu Marapati yang dikarang oleh Haji Mohamad Tahir bin Abdul Ghani pada tahun 1939 telah pun berusia lebih daripada 80 tahun. Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran dalam pentransliterasian manuskrip Hikayat Datu Marapati iaitu penggunaan bahasa Melayu klasik, penggunaan bahasa tempatan, penggunaan bahasa asing, tulisan yang kurang jelas atau tidak dapat dibaca.

Kata kunci : *Hikayat Datu Marapati, Datuk Merpati, Marapati Jipang, transliterasi, Jawi, manuskrip Melayu, Melayu Sarawak.*

Pengenalan

Manuskrip karangan Haji Mohamad Tahir bin Abdul Ghani pada tahun 1939 yang berjudul Hikayat Datu Marapati merupakan sebuah prosa Melayu Sarawak tradisional yang berkisar tentang kisah kehidupan Datu Marapati. Kisah bermula apabila tiga orang adik beradik yang dikatakan berasal dari keturunan anak dewa dijumpa orang di atas batu Pulau Lima, Johor. Sultan Mahkota Johor memelihara tiga beradik yang sangat elok rupa parasnya itu. Dengan kehadiran mereka, negeri Johor menjadi semakin aman dan makmur. Setelah beberapa lama mereka bertiga tinggal di situ, Sultan Johor pun berkenan untuk menikahkan anaknya, Puteri Kemala dengan abang yang sulung lalu digelarnya Sultan Pahlawan Muda. Setelah sekian lama berada di Johor, Sultan Pahlawan meminta izin kepada Sultan Johor dan Permaisuri untuk bercengkerama di lautan bersama dengan isteri dan adik-adiknya. Setelah hasratnya diperkenankan oleh Sultan Johor, Sultan Pahlawan pun berangkat bersama rombongannya.

Pada hari yang kedua, berlaku hujan, angin besar, dan ribut selama tujuh hari tujuh malam menyebabkan rombongan itu terpisah, ada yang jatuh di kuala Pahang, ada yang jatuh di jajahan Selangor, dan Sultan Pahlawan pula jatuh di Pulau Sikudana. Rombongan Sultan Pahlawan yang terdampar di Pulau Sikudana dibantu serta dipelihara oleh Sultan Muktabar. Baginda mengarahkan menteri dan rakyatnya untuk membina khemah serta mengadakan doa

selamat untuk rombongan tersebut. Setelah sepuluh hari, Sultan Muktabar pun bertanya asal usul Sultan Pahlawan atau Sultan Handalan Muda. Sultan Muktabar pun meminang adik Sultan Handalan untuk dikahwinkan dengan anaknya, Puteri Sharifah Dewi. Adiknya lalu digelar sebagai Sultan Johari.

Setelah itu, cerita dilanjutkan lagi dengan kisah Sultan Handalan yang hendak kembali ke Johor. Semasa dalam perjalanan, Sultan Handalan mengarahkan pengikutnya untuk menggelar dirinya sebagai Datu Marapati dan isterinya Datu Permaisuri. Sekali lagi berlaku angin besar dan ribut taufan sehingga terdampar di Tanjung Bila, Kuala Pemangkat. Masyarakat sekitar yang melihat bahtera besar itu pun kecoh. Dengan nasihat ketuaan mereka, mereka menunda bahtera itu ke negeri Sambas untuk dihadapkan kepada Tunku Sultan. Sultan memelihara rombongan Datu Marapati yang terdampar itu dari seminggu sehingga dua minggu dan kemudiannya mengadakan majlis doa selamat. Adik Datu Marapati yang bungsu dikahwinkan dengan anak Sultan Sambas, iaitu Puteri Norala dan diberi gelaran Sultan Bungsu. Tidak berapa lama, rombongan Datu Marapati pun berangkat keluar dari negeri Sambas. Semasa berada di tengah lautan, angin kencang serta kilat sabung-menyabung lalu perahu mereka berhanyut dari Tanjung Datu sampai ke Teluk Gador.

Rombongan Datu Marapati pun menetap di Teluk Gador dan Datu Permaisuri melahirkan anak sulungnya, Marapati Jipang dan seekor ular naga. Diceritakan juga tentang kisah Datu Kuali dan Datu Kuli yang menjodohkan anak-anak mereka, Dayang Sitih dan Abang Muhammad Sari. Ketika rombongan Datu Kuali dan Datu Kuli ini berada di dalam perahu, perahu mereka berhanyut dan mereka pun berpecah, ada yang ke Kuala Tebas, ada yang ke Kuala Santubong dan ada yang ke Teluk Gador. Rombongan ini ditemukan oleh Datu Marapati lalu dipeliharanya. Seterusnya, Datu Marapati membuat negeri di Kuala Santubong. Setahun kemudian, Datu Permaisuri melahirkan seorang puteri yang diberi nama Dayang Sri Bulan. Setelah beberapa lama tinggal di situ, Datu Marapati dan anaknya, Marapati Jipang bersama dengan kesemua pengikut lelakinya pergi memupu di batang air Samarahan. Tidak lama kemudian, Juragan Pegu pun datang dengan perahu yang besar lalu menangkap semua penduduk yang ada termasuklah Datu Permaisuri dan anaknya Dayang Sri Bulan. Ketika berada di tengah lautan, di saat Pegu sedang leka, Datu Permaisuri bangun merapati Pegu dan lantas menikam kedua mata Pegu dengan menggunakan badik. Datu Permaisuri menyelamatkan penduduk kampung yang ada dalam perahu itu. Sementara itu, Datu Marapati yang berfirasat buruk terhadap isterinya, menyerahkan tugas memupu kepada anaknya dan pengikutnya lalu dia balik semula ke Kuala Santubong namun beliau mendapati tiada sesiapa lagi di sana dan menyangka isterinya balik ke Johor.

Pada waktu yang sama, rombongan Datu Permaisuri pula hanyut tak berdaya di Pulau Lakei. Di saat itu juga seekor naga muncul lalu menghantarkan bondanya, Datu Permaisuri ke negeri Brunei. Selesai tugasnya di sana, naga pun menuju ke Tanjung Sipang bertemu dengan ayahnya, Datu Marapati. Ayahnya dihantarkan juga di Brunei lalu bertemulah ayahnya dengan Datu Permaisuri dan Dayang Sri Bulan. Setelah itu, dijodohkannya Dayang Sri Bulan dengan anak Sultan Selangor yang kemudiannya digelar Sultan Bungsu Selangor. Hikayat ini turut memaparkan cerita Datu Kuli dan Datu Kuali yang masing-masing menjodohkan anak mereka, Abang Muhammad Sari dengan Dayang Sitih. Pada bahagian akhir hikayat ini menumpukan kepada cerita anak sulung Datu Marapati, iaitu Marapati Jipang bersama adiknya, Syamsul Qomar pergi merantau dan mengembara di samping menziarahi keluarga-keluarga ayahanda mereka di Johor, Selangor, Sikudana, dan Sambas.

CABARAN DALAM MENTRANSLITERASIKAN HIKAYAT DATU MARAPATI

Pentransliterasian teks Hikayat Datu Marapati tidak terlepas daripada cabaran semasa mengalihaksarakan bahasa Melayu klasik dengan tulisan jawi lama kepada rumi. Antara cabaran yang dihadapi oleh penterjemah transliterasi dalam mengalihaksarakan atau merumikan teks Hikayat Datu Marapati adalah seperti yang berikut:

Penggunaan bahasa Melayu klasik


Penggunaan bahasa Melayu klasik merupakan salah satu cabaran yang amat ketara dalam proses mentransliterasikan manuskrip lama termasuklah Hikayat Datu Marapati. Antara ciri bahasa Melayu klasik yang terdapat dalam naskah manuskrip ini ialah:

a. Sistem tulisan dan ejaan

Naskah manuskrip ini menggunakan aksara Jawi ejaan lama yang sememangnya sukar untuk dikenal pasti bacaannya. Pengalihaksaraan Jawi kepada Rumi ini merupakan satu rintangan yang besar apabila ejaan yang digunakan tidaklah sama seperti ejaan aksara Jawi kini. Misalnya, kata ‘pake’ yang ditulis [فاكي] /fake/, kata ‘tiga’ yang ditulis [تيك] /tika/, dan kata ‘gelap’ yang ditulis [كلب].

Rajah 1


Contoh kata ‘tiga’ yang ditulis [تيك] /tika/ yang cukup mengelirukan pembaca.



Tambahan pula, ada kalanya beberapa perkataan yang dieja serupa, namun berbeza dari segi bacaan dan maknanya. Sebagai contoh, perkataan ‘dahulu’ dan frasa ‘di hulu’ kedua-duanya dieja [دهولو] dan perkataan ‘tahan’ dan ‘tahun’ kedua-duanya dieja [تاھن] yang mengakibatkan kekeliruan ketika membaca teks. Tak hanya itu, terdapat juga ejaan yang berlainan bagi satu kata yang sama seperti kata ‘kaum’ yang terkadang dieja [كاوم] dan terkadang dieja [قاوم], kata ‘kilat’ terkadang dieja [كليت] dan terkadang pula dieja [كيلاة].

Rajah 2


Contoh kata 'kaum' yang terkadang dieja [كلاوم] dan terkadang dieja [قلاوم].



Dalam pada itu, penggabungan beberapa kata dalam satu perkataan seperti frasa 'apa yang' ditulis [افيع], frasa 'barang yang' ditulis [بارغيع], frasa 'dan lagi' ditulis [دانلاكي]. Penggabungan seperti ini mengakibatkan berlakunya kekeliruan ketika membaca teks.

Rajah 3

Contoh penggabungan frasa 'dan lagi' ditulis [دانلاكي].



Terdapat juga dua perkataan yang berkongsi huruf alif (ا) yang sama, contohnya kata 'kedua itu' ditulis [كدوايت], huruf /a/ pada kata 'kedua' dan /i/ pada kata 'itu' berkongsi satu huruf yang sama iaitu alif. Seterusnya, terdapat juga kata yang dieja berlainan dengan tulisannya, misalnya kata sultan ditulis [شيطان] /sultan/, dan hairan ditulis [خيران] /xairan/.

b. Kosa kata


Penggunaan leksikal yang sudah jarang digunakan atau bahkan tidak digunakan lagi merupakan suatu tantangan untuk memahami teks naskah manuskrip tersebut. Tamsilnya, penggunaan leksikal bahasa Melayu klasik seperti ceritera, berahi, bunyi, dan gahari. Diikuti pula dengan penggunaan kata pangkal ayat seperti syahadan, al-kisah, sebermula, hatta, dan maka yang cukup memperlihatkan leksikal bahasa Melayu lama. Tidak terhenti di situ, cabaran pengalihaksaraan ini bukan sahaja berlaku pada kosa kata bahasa Melayu klasik tetapi juga kosa kata dialek Melayu Sarawak klasik seperti berdundan, jungkar, nyaru, dan gadong.

c. Gaya penulisan

Penggunaan gaya penulisan tanpa tanda baca dan sistem pemerengganan turut menyukarkan pembacaan dan pemahaman teks kerana perlu teliti ketika mengenal pasti di mana permulaan atau akhiran sesuatu ayat. Contoh :

Rajah 4

Contoh Teks Manuskrip Hikayat Datu Marapati



Di samping itu, seperti teks klasik yang lainnya, manuskrip ini juga memiliki struktur sintaksis yang cenderung menggunakan ayat yang panjang, berbelit-belit, dan berulang serta menggunakan susunan ayat songsang dan ayat pasif.

Penggunaan bahasa tempatan

Pengalihaksaraan ini lebih sukar apabila berlakunya penggunaan bahasa tempatan yang ada di Kepulauan Borneo terutamanya dialek Melayu Sarawak.

Jadual 1

Contoh penggunaan kosa kata (leksikal) dialek Melayu Sarawak (DMS)

No.	Leksikal DMS	Makna
1.	Abas	Menziarahi ; melawati
2.	Asu	Anjing
3.	Bego	Kekecohan ; keriuhan
4.	Berambéh	Bermalam
5.	Berdundan	Penceritaan tentang asal usul atau bertanya khabar
6.	Berekot	Berlari
7.	Bertapok	Bersembunyi
8.	Biak	Muda
9.	Boyak	Buaya
10.	Bulak	Bohong
11.	Dua tiga	Perasaan waswas
12.	Gadong	Hijau
13.	Geruk	Leher
14.	Haus	Rindu
15.	Iger	Sj. kata penjodoh bilangan
16.	Jaguk	Dagu
17.	Jungkar	Tempat menjemur padi
18.	Katok-katok	Tidak melakukan apa-apa
19.	Kedong	Sementara ; sembari
20.	Kelakar	Bicara ; cakap
21.	Layak	Bayang
22.	Layap	Leka ; lalai ; asyik
23.	Manok	Ayam

24.	Menerais	Menjerit ; memekik ; meneriak
25.	Mengeredak	Mendidih
26.	Mengintu	Menjaga ; memelihara
27.	Menyintak	Menarik dengan kuat
28.	Merimbak	Menebang hutan untuk dijadikan huma
29.	Nyaru	Petir ; kilat
30.	Petang	Gelap
31.	Petang peti	Gelap gelita
32.	Pureh	Keturunan
33.	Sebage	Seumpama ; seperti
34.	Semadi	Sementara ; senyampang
35.	Semek-semek	Senak perut
36.	Suku juru	Saudara-mara ; sanak saudara
37.	Sukut	Penjuru
38.	Tapak	Pinggan
39.	Tembang	Tempat
40.	Tingas	Diingat-ingat ; dikenang-kenang

Berdasarkan jadual di atas, jelaslah bahawa manuskrip ini memiliki penggunaan kosa-kata dialek Melayu Sarawak yang sarat. Leksikal dialek Melayu Sarawak yang ditulis dalam tulisan jawi lama sememangnya mengelirukan pentransliterasi semasa hendak mengenal pasti perkataan yang dimaksudkan. Kekeliruan ini berlaku apabila penulisan jawinya hampir mirip dengan perkataan dalam bahasa Melayu piawai. Tamsilnya, kata 'sebage' (sebagai) yang boleh juga dibaca 'sebagi'. Tambahan pula, seperti yang pernah dinyatakan sebelum ini, beberapa perkataan dalam dialek Melayu Sarawak tersebut sudah jarang sekali digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu Sarawak kini.

Selain itu, terdapat juga penggunaan dialek Melayu Brunei dan dialek Melayu Sambas. Contohnya kata 'piabung' dalam dialek Melayu Brunei yang bermaksud 'gabus' dan kata 'suah' dalam dialek Melayu Sambas yang bermaksud 'pernah' dan kata 'andeng' dalam bahasa Banjar yang bermaksud 'adik'. Penggunaan beberapa kosa kata daripada dialek Melayu Brunei dan Sambas ini berkemungkinan turut pernah digunakan dalam dialek Melayu Sarawak pada suatu ketika dahulu. Namun demikian, barangkali kosa kata ini sudah hilang penggunaannya

dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak kerana dialek Melayu Sarawak kini banyak terpengaruh dengan bahasa Melayu piawai.

Penggunaan bahasa asing

Bahasa asing bermaksud bahasa selain daripada bahasa ibunda bagi diri seseorang. Dalam manuskrip Hikayat Datu Marapati ini, penggunaan bahasa asing merujuk kepada bahasa selain daripada bahasa Melayu, seperti bahasa Arab, bahasa Inggeris, dan bahkan bahasa Sanskrit.

a. Penggunaan bahasa Arab

Penggunaan kosa kata atau frasa yang berasal dari bahasa Arab ini dipengaruhi oleh kehadiran Islam di Tanah Melayu dan kepulauan Borneo. Sebagai contoh, penggunaan ucapan salam dan membalas salam, penggunaan kata insyaAllah, bismillah, alhamdulillah, rabb al-‘Alamin, Sallallahu ‘Alaihi Wassalam, Allah Subhanahu Wa Ta’ala, ‘Azza-wajalla, dan sebagainya. Penggunaan bahasa Arab ini terkadang tidaklah begitu tepat seperti ucapan menjawab salam yang dieja /mu alaikum as-salam/ dan terkadang dieja /‘alaikumussalam/.

Terdapat satu frasa yang agak mencabar untuk diterjemahkan kepada bahasa Melayu iaitu frasa [اِحْوَانًا سَبَابًا] /ihwanan sababa/ yang seharusnya dieja [اِحْوَانًا سَبَابًا] /ikhwanan sababa/. Frasa ini dipaparkan dalam bait “di dalam hati Jipang sangat ahli percakapan tuan hotel ini patut juga nama ihwanan sababa kerana kemuliaan cukup dermawannya” pada halaman 166. Pentransliterasi menyimpulkan bahawa frasa ini membawa maksud “saudara-saudara yang menempuh suatu jalan”.

b. Penggunaan bahasa Inggeris

Penggunaan kosa kata, frasa, atau ungkapan bahasa Inggeris pula berkemungkinan besar dipengaruhi oleh keadaan sekeliling pengarang pada ketika itu kerana tahun 1939 merupakan era pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak. Ini menyebabkan pengarang terpengaruh dengan beberapa kata, frasa, atau bahkan ungkapan yang berasal daripada bahasa Inggeris itu.



Sebagai contoh, penggunaan ungkapan yang berasal daripada bahasa Inggeris ialah ungkapan “hep hep ore” [هيف ٢ اوري]. Ungkapan ini merujuk kepada ‘hore’ yang bermaksud kata yang merujuk kepada rasa suka atau mengejek. Dalam konteks manuskrip ini, ungkapan ini merujuk kepada perasaan sukacita rakyat jelata atas pertabalan Sultan Johari sebagai Sultan Muda Sikudana. Seterusnya, terdapat kosa kata dan frasa bahasa Inggeris yang ditulis dalam tulisan jawi iaitu ‘hotel’ dan ‘first class’.

Tulisan yang kurang jelas atau tidak dapat dibaca

Beberapa kata atau frasa dalam salinan manuskrip asal ini kurang jelas atau tidak dapat dibaca kerana terdapat masalah teknikal pada salinan tersebut. Penulisan seperti ini menyukarkan kerja pentransliterasian kerana tidak dapat mentransliterasikan frasa atau ayat berkenaan secara lengkap dan jitu.

Rajah 5

Contoh tulisan yang kurang jelas dan tidak dapat dibaca.



Oleh yang demikian, penulisan kata atau frasa yang kurang jelas dan tidak dapat dibaca ini ditandakan dengan simbol elipsis ‘...’ bagi memaparkan bahawa terdapat kata atau frasa dalam teks manuskrip asal dilangkau pentransliterasiannya.

Kesimpulan

Setelah mentransliterasikan manuskrip Datu Marapati, jelaslah bahawa cabaran yang dihadapi dalam proses pengalihaksaraan ini hampir sama dengan cabaran-cabaran semasa mentransliterasikan manuskrip-manuskrip Melayu yang lainnya. Rumusannya, cabaran dalam pentransliterasian manuskrip ini termasuklah penggunaan bahasa Melayu klasik, penggunaan bahasa tempatan, penggunaan bahasa asing, tulisan yang kurang jelas atau tidak dapat dibaca.

Bibliografi

- Ahmat Adam. (2019). *Hikayat Raja Pasai*. Strategic Information Research Development.
- Idris Mansor. (2017). Cabaran dan Pendekatan Penterjemahan Intralingual Jawi kepada Rumi Undang-Undang Adat Negeri Kedah. *Journal of Nusantara Studies*, 2(2), 251-263. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol2iss2pp251-263>.

